

**PROMOSI DEPOSIT MASA MATA WANG ASING UOB MALAYSIA 2026****TERMA DAN SYARAT**

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Syarikat Pendaftaran 199301017069 (271809-K)) ("UOB Malaysia") sedang menjalankan "**Promosi Deposit Masa Mata Wang Asing UOB Malaysia 2026**" ("Promosi") dari **11 May 2026 hingga 31 Julai 2026**, termasuk kedua-dua tarikh atau tarikh-tarikh sedemikian yang mungkin ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa ("Tempoh Promosi").

**Kelayakan**

- 1) Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu yang adalah pelanggan UOB Malaysia baharu atau sedia ada dan memenuhi **SEMUA** syarat berikut:
  - a) Berumur 18 tahun dan ke atas.
  - b) Membuat penempatan di akaun Deposit Masa Mata Wang Asing UOB Malaysia ("FCTD") di mana-mana kaunter cawangan UOB Malaysia semasa Tempoh Promosi:
    - Pelanggan baru mesti membuka Akaun Mata Wang Asing UOB Malaysia ("FCA").
    - Pelanggan UOB Malaysia yang sedia ada mesti memegang FCA yang sah.
  - c) Dimana akaun(-akaun) dengan UOB Malaysia adalah terkini, berterusan dan tidak lalai dalam apa jua cara seperti yang ditentukan oleh UOB Malaysia.
- 2) Pelanggan yang berada di bawah MANA-MANA syarat berikut tidak layak untuk menyertai Promosi ini:
  - a) Pelanggan bukan individu UOB Malaysia.
  - b) Individu yang tidak siuman atau menjadi tidak siuman, meninggal dunia, dihukum bankrap atau mempunyai prosiding undang-undang dalam apa-apa bentuk yang dilaksanakan terhadap mereka.
  - c) FCTD yang diletakkan melalui Perbankan Internet Peribadi UOB menggunakan perkhidmatan perbankan dalam talian.
  - d) FCTD dicagar di bawah kemudahan pembiayaan dan/atau disediakan sebagai lien kepada UOB Malaysia.
  - e) FCTD di bawah program Malaysia My Second Home (MM2H)
- 3) Semua penempatan FCTD hendaklah dibuat dengan menggunakan "Dana Baru".
  - a) Dana Baru adalah dana yang baru dipindahkan dan dikreditkan ke akaun UOB Malaysia dengan tidak melebihi 7 hari perniagaan:-
    - i) Pelanggan memindahkan dari akaunnya dengan bank-bank lain ke dalam akaun-akaun simpanan / semasa / akaun mata wang asing UOB Malaysia; dan/atau
    - ii) pihak ketiga ke dalam akaun simpanan / semasa / akaun mata wang asing UOB Malaysia pelanggan.
  - b) Dana dari hasil penebusan amanah saham akan ditakrifkan sebagai Dana Baru.
  - c) Dana yang dipindahkan antara akaun simpanan / semasa / deposit tetap / mata wang asing Pelanggan yang sedia ada dengan UOB Malaysia atau dalam bentuk UOB cek, perintah juruwang atau draf permintaan tidak dianggap sebagai Dana Baru.

**Mekanik Promosi**

- 4) Pelanggan yang membuat FCTD menggunakan Dana Baru sepanjang Tempoh Promosi dengan jumlah minimum penempatan sebanyak AUD 5,000 atau USD 5,000, yang berkenaan ("Pelanggan yang Layak") akan berhak menikmati kadar faedah promosi ("Kadar Promosi") seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah. Untuk mengelakkan keraguan, penempatan FCA akan dikenakan kadar faedah semasa lazim.

Mata Wang FCTD	Kadar Promosi			Amaun Penempatan Minimum FCTD	Amaun Penempatan Maksimum FCTD
	Tempoh 3 bulan	Tempoh 6 bulan	Tempoh 12 bulan		
<b>AUD</b>	4.45% p.a.	4.50% p.a.	4.70% p.a.	AUD 5,000	AUD 5,000,000
<b>USD</b>	3.85% p.a.	3.80% p.a.	3.50% p.a.	USD 5,000	USD 5,000,000

Jadual 1: Kadar Promosi FCTD

- 5) Jumlah minimum penempatan FCTD adalah AUD 5,000 atau USD 5,000, yang berkenaan. Jumlah maksimum penempatan FCTD adalah AUD 5,000,000 atau USD 5,000,000, yang berkenaan, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1, sepanjang Tempoh Promosi. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan yang Layak boleh membuat beberapa penempatan FCTD, tertakluk kepada jumlah agregat maksimum keseluruhan sebanyak AUD 5,000,000 atau USD 5,000,000.
- 6) Nilai setara dalam Ringgit Malaysia bagi mata wang asing yang dipindahkan ke dalam akaun akan ditentukan berdasarkan kadar jualan UOB Malaysia seperti yang dipaparkan di laman web UOB pada tarikh dana tersebut dipindahkan, dengan syarat pemindahan dilakukan pada Hari Perniagaan sebelum waktu akhir yang ditetapkan. Penentuan kadar pertukaran yang terpakai oleh UOB Malaysia adalah muktamad dan mengikat sekiranya tiada kesilapan ketara.
- 7) Selepas penempatan FCTD, Pelanggan yang Layak akan diberikan slip pengakuan yang menyatakan amaun penempatan FCTD, tempoh penempatan FCTD dan Kadar Promosi.
- 8) Kadar Promosi adalah tertakluk kepada sebarang perubahan Kadar Dasar Semalaman ("OPR"). Sekiranya terdapat perubahan kepada OPR, Kadar Promosi akan disemak semula ("Pindaan"). Bagi mengelakkan keraguan, Pindaan akan dikenakan bagi penempatan FCTD pada atau selepas tarikh kuatkuasa pindaan OPR. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak akan diberitahu tentang Pindaan melalui pemberitahuan yang menunjukkan atau memberitahu Pindaan tersebut di mana-mana cawangan UOB Malaysia atau cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa.
- 9) Pembayaran faedah akan dikreditkan ke dalam FCA Pelanggan yang Layak apabila matang atau ditambah pada jumlah pokok FCTD apabila matang, mengikut permintaan Pelanggan yang Layak semasa penempatan FCTD.
- 10) Untuk sebarang pengeluaran pramatang daripada FCTD, Kadar Promosi tidak akan layak dan tiada faedah akan dibayar kepada Pelanggan yang Layak. Sekiranya sebarang faedah telah dikreditkan ke dalam FCA atau FCTD Pelanggan yang Layak sebelum pengeluaran pramatang, faedah tersebut akan ditolak daripada jumlah FCTD utama sebelum baki dipulangkan kepada Pelanggan yang Layak.
- 11) Untuk mengelakkan keraguan, pengeluaran sebahagian daripada penempatan FCTD tidak dibenarkan.
- 12) Kadar Promosi hanya akan digunakan untuk penempatan FCTD bagi tempoh yang dinyatakan dalam slip pengakuan. Pada kematangan FCTD, FCTD akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh yang sama seperti penempatan asal pada kadar semasa lazim walaupun Tempoh Promosi belum lagi berakhir.

#### Terma dan Syarat Am

- 13) Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat ini dan Terma dan Syarat yang berikut jika berkenaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - a) Terma dan Syarat yang Mentadbir Akaun dan Perkhidmatan (Perbankan Konvensional)

Terma dan syarat yang disenaraikan di atas hendaklah termasuk sebarang pindaan atau perubahan terhadapnya dan keputusan UOB Malaysia yang berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat Pelanggan yang Layak. Jika terdapat sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan Terma dan Syarat yang disenaraikan di atas, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
- 14) Pelanggan perlu memperolehi penjelasan daripada pegawai yang diberi kuasa oleh UOB Malaysia jikalau pelanggan mempunyai sebarang keraguan mengenai terma dan syarat yang tidak memahami.
- 15) Melainkan dinyatakan secara khusus dalam terma dan syarat ini, Promosi ini tidak sah bersama dengan kempen, promosi yang ditawarkan oleh UOB Malaysia dan tidak ada kadar istimewa, tambahan keutamaan dan / atau hadiah yang akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak sebagai tambahan kepada Promosi ini.
- 16) Rekod transaksi deposit yang dikekalkan oleh UOB Malaysia and keputusan UOB Malaysia dalam semua perkara (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pertikaian yang timbul daripadanya) yang berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Pelanggan yang Layak. Kecuali kesilapan nyata (contohnya, percanggahan dalam urusan niaga) atau penipuan, UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk melayan pertanyaan atau rayuan berkenaan dengan Promosi ini.
- 17) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kecuali disebabkan oleh kecuaiannya atau salah laku kasar UOB Malaysia, UOB Malaysia secara tegas mengecualikan dan menolak sebarang pernyataan, jaminan atau sokongan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa batasan kepada yang diterbitkan di mana-mana media massa, pemasaran atau bahan iklan, termasuk tetapi tidak terhad kepada , sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Promosi ini.
- 18) UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh Promosi ini kecuali disebabkan oleh kecuaiannya atau salah laku kasar UOB Malaysia yang berkaitan dengan Promosi ini.
- 19) Deposit yang ditempatkan dengan UOB Malaysia adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000) bagi setiap pendeposit. Pelanggan yang Layak boleh mendapatkan salinan brosur PIDM dari mana-mana cawangan UOB Malaysia. UOB Malaysia adalah ahli PIDM.
- 20) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOB Malaysia berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Promosi ini sebelum tarikh akhir Tempoh Promosi, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan pemberian notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan Promosi ini oleh UOB Malaysia tidak memberikan hak kepada Pelanggan yang Layak untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOB Malaysia untuk sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan sedemikian.

- 21) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOB Malaysia berhak untuk menambah, membatalkan, menamatkan atau mengubah terma dan syarat Promosi dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagian dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui pengeposan di laman web UOB Malaysia, mempamerkan notis di mana-mana cawangan UOB Malaysia dan / atau mempamerkan di dalam Penyata Akaun atau cara lain seperti yang ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa. Jika Pelanggan yang Layak tidak bersetuju dengan perubahan, Pelanggan yang Layak mesti dalam masa 7 hari dari tarikh pemberitahuan UOB Malaysia datang ke cawangan terdekat kami untuk menunjukkan keutamaan, jika gagal, Pelanggan yang Layak akan dianggap telah menerima dan terlibat dengan perubahan tersebut.
- 22) Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

**[TAMAT]**